

Siti Anida bersara

WALAUPUN baru dua kali menyertai kejohanan silat antarabangsa, Siti Anida Mahadi, sudah mengambil keputusan bersara kerana ingin menumpu perhatian kepada pelajaran yang semakin membebankan, lapor MOHD RAHIME YUSOF.

"Saya sedar persaraan ini terlalu awal. Saya terpaksa berbuat demikian kerana tekanan pembelajaran semakin banyak.

"Saya terpaksa memilih pelajaran sekali pun hati ini masih berminat untuk mewakili negara terutama Sukan SEA tahun depan," katanya.

Siti Anida berkata, keputusan ini dibuat selepas memikirkan tugas-tugas kursus yang diambillnya semakin bertambah berbanding dengan tahun pertama lalu.

Mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu mula mewakili negara di Sukan SEA Jakarta dan Kejuaraan Silat

Sedunia di Kuala Lumpur Disember lalu.

Walaupun tidak memenangi sebarang pingat dalam dua kejohanan yang disertainya, ia tidak mahu menjadikan kegagalan itu sebagai alasan bersara lebih awal.

25 MAY 1988
Gagal

"Sekalipun saya gagal memenangi sebarang pingat, saya tidak kecewa. Itu bukan alasan kuat untuk saya bersara tetapi kerana tekanan pelajaran," kata mahasiswi jurusan Sains Kemasyarakatan itu.

Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson pada 24 hingga 31 Julai ini pasti memberi laluan mudah kepada pesilat Kelas C lain mengambil alih kekosongan juara yang ditinggalkan oleh Siti Anida.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menetapkan

kejohanan itu sebagai asas pemilihan silat kebangsaan untuk Sukan SEA tahun depan.

"Keputusan ini dapat memberi peluang kepada muka baru mengisi tempat saya. Jika saya mewakili negara pun tiada gunanya kerana tidak dapat berlatih sepenuh masa," kata Siti Anida.

Walaupun beliau berhasrat membantu negara memenangi pingat, kegagalan menjalani latihan pusat sepenuh masa memberi kesulitan mencapai tujuan itu.

"Saya terpaksa bersara sekali pun hati saya masih berminat mewakili negara. Bagaimanapun, saya akan terus mempelajari silat hingga ke tahap tertinggi.

"Saya meminati seni silat, tetapi saya tidak akan bertanding untuk negara lagi. Saya ingin menumpu perhatian kepada pelajaran yang semakin mencahar," jelasnya.

Arahan gabung pertubuhan silat

26 MAY 1988

B. Harian (M)

MELAKA, Rabu — Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Encik Jaafar Lajis mengambil langkah menggabungkan semua pertubuhan silat dan seni mempertahankan diri Cina dan India di bawah satu pertubuhan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik berkata melalui penggabungan itu fungsi seni silat dapat diperluaskan lagi dan gelanggang silat di Duyung dekat sini dapat digunakan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata langkah itu perlu untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini di samping mengenalkan budaya tempatan kepada pelancong.

Kerajaan negeri juga akan meminta Kontena Nasional membenarkan beberapa syarikat perkilangan mengadakan pusat meletakkan kontena masing-masing.

Tidak akan diperiksa

Datuk Seri Abdul Rahim berkata ia adalah antara beberapa cadangan kerajaan negeri yang akan dikemukakan kepada wakil Kontena Nasional, Datuk Haji Abdul Jamil Ahmad di sini, esok.

Kerajaan negeri juga akan meminta Kontena Nasional mengadakan perhentian dalaman di beberapa negeri untuk kemudahan pelbagai pihak.

"Melalui cadangan ini, diharap segala masalah yang dihadapi oleh syarikat perkilangan di negeri ini dapat diatasi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di sini, pagi ini.

Beliau berkata sebelum ini semua kontena dari luar negeri yang dihantar ke sini disyaratkan berlabuh di Pelabuhan Kelang dan beberapa pelabuhan lain.

Tetapi melalui cadangan baru itu semua kontena yang dipesan dan berlabuh di sesebuah pelabuhan tidak akan diperiksa tetapi terus dibawa ke destinasi masing-masing.

"Apabila tiba ke destinasi itu, barulah ia diperiksa oleh Imigrasi, Jabatan Kastam negeri dan beberapa pihak terbabit," katanya.



DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK